

BIDANG FOKUS: PENDIDIKAN



Pendidikan adalah asas kemajuan, dalam setiap masyarakat dan keluarga. 99

Kofi Annan
(Mantan Setiausaha Agung PBB)

ooo Ringkasan Impak 2025

Pada tahun 2025, Yayasan JCorp mengubah pendekatan pendidikan dengan melangkaui sokongan bilik darjah dan memberi tumpuan kepada pembangunan bakat yang sejajar dengan keperluan industri negara. Melalui integrasi teknologi STEM di sekolah serta pengukuhan pendidikan vokasional di bawah program Akademi Dalam Industri (ADI), kami memastikan generasi bakat baharu di Johor bukan sahaja berpengetahuan, malah bersedia menempuh alam pekerjaan sebenar. Kami akan terus merapatkan jurang antara pencapaian akademik dan keperluan ekonomi semasa agar tiada pelajar yang tercicir.





Jumlah Peruntukan

RM1.25 Juta

Program Dilaksanakan

7

Jumlah Capaian Sejak 2016

87,056

Pelajar & Guru

Butiran Impak

- ▶ **80%** pencapaian dihasilkan melalui Program Vokasional ADI.
- ▶ **92%** Kadar Kelulusan Bahasa Inggeris dalam SPM menerusi Projek Tuisyen.
- ▶ Lebih **12,000** Pelajar menyertai Karnival Bahasa Inggeris Peringkat Kebangsaan.
- ▶ **205** Pelajar B40 menerima bantuan kewangan pengajian tinggi.
- ▶ **RM52,000** pendapatan dijana oleh pelajar menerusi inisiatif Rumah Hijau Pertanian Pintar.

Bidang Fokus untuk Masa Hadapan

Membina Saluran Bakat dan Memperkukuh Padanan Kerjaya untuk Graduan Masa Hadapan.

BIDANG FOKUS: PENDIDIKAN

Kerjasama

- QSR Stores Sdn Bhd
- Jabatan Pembangunan Kemahiran
- Jabatan Pendidikan Negeri Johor

MEMPERKUKUH ADI KE ARAH KEJAYAAN: MELAHIRKAN GRADUAN PERTAMA



Penambahbaikan dalam sistem pembelajaran serta sokongan pelajar yang berterusan telah menghasilkan pencapaian akademik dan kemahiran yang membanggakan bagi Kohort 1: Daripada 22 pelajar, 21 lulus SPM, 22 memperoleh sijil MPAK, 22 lulus SKM Tahap 2 dan 3, dan 1 mencapai keputusan A penuh.

Perjalanan ini mencapai satu detik bersejarah pada 9 September 2025 apabila 22 belia Johor daripada keluarga B40 berjaya menamatkan pengajian sebagai graduan pertama Program Akademi Dalam Industri (ADI). Dilengkapi dengan kelulusan SPM, sijil MPAK, serta SKM Tahap 2 dan 3, berserta pengalaman industri bersama rakan strategik iaitu QSR Stores Sdn Bhd dan Jabatan Pembangunan Kemahiran, mereka kini bersedia memasuki alam pekerjaan sebenar. Ini merupakan satu pencapaian bermakna bukan sahaja kepada keluarga mereka, malah juga kepada usaha pembangunan bakat berkemahiran di Johor.



Tonton bagaimana ADI mencipta impak merentasi bilik darjah, syarikat, pelajar, dan pekerja berkemahiran.



Objektif Program

- ▶ Memperluas akses kepada belia daripada keluarga kurang berkemampuan untuk mengikuti latihan vokasional, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran serta peluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.
- ▶ Melahirkan bakat masa depan yang bersedia menghadapi keperluan industri selaras dengan aspirasi Johor dan Malaysia dalam membangunkan tenaga kerja mahir dan berdaya saing.
- ▶ Menyediakan pelajar dengan kemahiran selari dengan keperluan industri melalui gabungan pembelajaran di bilik darjah serta pengalaman praktikal di restoran KFC.

Impak Program

- ▶ **22** pelajar berjaya menamatkan pengajian sebagai kohort pertama perantis ADI.
- ▶ **96%** lulus SPM dan **100%** lulus MPAK; kesemua pelajar memperoleh SKM Tahap 2 dan 3, termasuk seorang pelatih dengan keputusan cemerlang semua A.
- ▶ Dari 2023 hingga 2025, program ini telah melatih **89** pelajar di mana seramai 25 pelajar bagi tahun 2023; 38 pelajar bagi tahun 2024; dan 26 pelajar bagi tahun 2025 melibatkan 16 pelajar di QSR dan 10 pelajar di KPJ Healthcare Berhad.

BIDANG FOKUS:
PENDIDIKAN

Kerjasama

- Yayasan Sultan Ibrahim Johor
- Urban Farm Tech
- Jabatan Pendidikan Negeri Johor

PERTUMBUHAN PINTAR:
MEMBANGUNKAN SEKOLAH
YANG MAMPAN MENERUSI
STEM

Yayasan JCorp dengan kerjasama Yayasan Sultan Ibrahim Johor telah membangunkan Rumah Hijau Pertanian Pintar di SMK Seri Medan, Batu Pahat dan SMK Buloh Kasap, Segamat, sebagai sebahagian daripada program *Sustainable School – STEM*. Menggunakan teknologi Internet of Things (IoT), rumah hijau ini mampu menghasilkan tanaman sepanjang tahun serta membolehkan pemantauan hasil dilakukan dengan lebih cekap dan pantas.

Sesi Latihan Percambahan Biji Benih oleh Urban Farm Tech membekalkan kemahiran praktikal kepada guru dan pelajar serta merapatkan jurang antara teori dan amali, di samping menyemai minat dalam agri-teknologi.



Saksikan bagaimana *Smart Farming Greenhouse* mengubah pengalaman pembelajaran dan mencipta impak berkekalan kepada guru serta pelajar.





Objektif Program

- ▶ Meningkatkan pengetahuan guru dan pelajar mengenai konsep pertanian pintar.
- ▶ Melatih guru dan pelajar dalam teknik inovatif percambahan biji benih serta pengurusan tanaman.
- ▶ Menyokong inisiatif pendidikan STEM di sekolah dengan mengintegrasikan elemen sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dalam aktiviti di luar bilik darjah.

Impak Program

- ▶ **8** Rumah Hijau Pertanian Pintar siap dibina.
- ▶ Sebanyak **4,000** sayuran berdaun ditanam, menunjukkan hasil pertanian yang produktif.
- ▶ **240** pelajar dan **60** guru dilatih mengenai kemahiran kritikal dalam teknologi pertanian.
- ▶ Rumah Hijau Pertanian Pintar ini mampu menjana lebih **RM1,000** setiap tuaian, membuktikan potensi ekonominya.

BIDANG FOKUS:
PENDIDIKAN

Kerjasama

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

MEMANTAPKAN PROJEK TUISYEN BAHASA INGGERIS
UNTUK PEMBELAJARAN YANG LEBIH BERKESAN

Program Tuisyen dipertingkatkan menerusi beberapa sesi penambahbaikan dan pembangunan bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ). Pada 17 hingga 19 Mac 2025, seramai 25 guru pakar Bahasa Inggeris berkumpul di Sungai Johor Eco Retreat, Kota Tinggi, bagi mengikuti modul tiga hari yang dirangka untuk meningkatkan strategi pengajaran dalam kemahiran membaca, penulisan esei, tatabahasa, pertuturan, dan pendengaran, di mana keseluruhan kandungan diselaraskan sepenuhnya mengikut keperluan terkini Bahasa Inggeris SPM.

Bengkel penambahbaikan kedua diadakan pada 8 hingga 10 April 2025 di Fives Hotel, Johor Bahru, di mana kumpulan guru yang sama memperhalusi dan memuktamadkan Modul *Booster B1*. Kemuncaknya pada 21 Julai 2025 menyaksikan pelancaran secara rasmi Modul *B1 Booster - ACE Your SPM English* di Menara KOMTAR, seterusnya diagihkan kepada 39 sekolah menengah terpilih seluruh Johor.

Inisiatif ini memperkukuh komitmen Yayasan JCorp dalam memperkasa guru, meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris, serta memperbaiki pencapaian pelajar di seluruh Johor, sekali gus membina asas Bahasa Inggeris yang kukuh bagi pemimpin masa hadapan.





Objektif Program

- ▶ Menambahbaik Modul *Southern Stellar* agar lebih berkesan.
- ▶ Memperkukuh kerjasama serta memastikan penggunaan bahan pembelajaran berkualiti tinggi bagi meningkatkan pencapaian pelajar.
- ▶ Membangunkan modul akhir yang selaras dengan format peperiksaan Bahasa Inggeris SPM serta memenuhi keperluan pembelajaran pelajar.

Impak Program

- ▶ Program penambahbaikan modul ini melibatkan **25** guru pakar Bahasa Inggeris.
- ▶ **39** sekolah menengah menerima manfaat daripada modul ini pada tahun 2025.
- ▶ Sehingga kini seramai **15,926** pelajar menerima manfaat daripada Projek Tuisyen Yayasan JCorp.
- ▶ Sejak 2012, lebih **RM2.5** juta diperuntukkan dalam Projek Tuisyen Yayasan JCorp.

BIDANG FOKUS: PENDIDIKAN

Kerjasama

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

KARNIVAL BAHASA 2025: JOHOR BERSINAR DI PENTAS NEGERI DAN KEBANGSAAN



Dua karnival bahasa telah dianjurkan di Johor pada tahun 2025.

Pada 3 dan 4 September, Yayasan JCorp dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNNJ) telah menganjurkan Karnival Bahasa Inggeris Peringkat Negeri Johor 2025 di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor. Acara dua hari ini menghimpunkan 250 juara daerah yang dipilih daripada 10,265 peserta dari 11 daerah untuk bersaing dalam pertandingan *Scrabble*, *Dare to Spell*, Deklamasi Sajak, Pengucapan Awam, Bercerita, serta penghasilan Mini Dokumentari. Daerah Batu Pahat muncul Juara Keseluruhan bagi kategori sekolah rendah, manakala daerah Kulai memenangi kategori sekolah menengah. SMK Bandar Putra 2, Kulai pula meraih anugerah khas bagi deklamasi Sajak Spontan Terbaik.

Dari 27 hingga 30 Oktober 2025, Johor menjadi tuan rumah Karnival Perpaduan Bahasa Peringkat Kebangsaan, yang buat julung kalinya menggabungkan pertandingan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kontinjen Johor mencatat pencapaian membanggakan:

Tempat Pertama

Dare to Spell
(Sekolah Rendah)

Tempat Pertama

Pengucapan Awam
(Sekolah Menengah)

Tempat Pertama

Bercerita
(SJKC)



Tempat Ketiga

Pidato Pra-Universiti

Tempat Kelima


Pengucapan Awam (Sekolah Rendah)

Tempat Kelima

Mini Dokumentari (Sekolah Menengah)



Bilangan peserta:



Imbas QR untuk maklumat lanjut mengenai Karnival Bahasa Inggeris Peringkat Negeri Johor 2025, di mana guru-guru berkongsi pendapat tentang bagaimana platform ini membantu pelajar agar lebih yakin, mahir berkomunikasi, dan kreatif.



Objektif Program

- ▶ Meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris dan kreativiti pelajar.
- ▶ Menyediakan pelajar platform untuk berkongsi pendapat mengenai pelbagai isu.
- ▶ Membina keyakinan dan daya kepimpinan dalaman kalangan belia Johor.

Impak Program

- ▶ Seramai **10,265** pelajar dari **11** daerah menyertai Karnival Bahasa Inggeris Yayasan JCorp, manakala **250** pelajar mara ke Peringkat Negeri Johor.
- ▶ Seramai **1,200** peserta menyertai peringkat kebangsaan melibatkan **16** negeri dan wilayah persekutuan.
- ▶ Daripada **18** kategori, Johor memenangi **3** tempat pertama serta **3** kedudukan dalam lima terbaik.

BIDANG FOKUS: PENDIDIKAN


Kerjasama
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

GEMA SUARA BELIA: CHORAL SPEAKING - PERINGKAT NEGERI JOHOR 2025



Program kerjasama antara Yayasan JCorp dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor ini menghimpunkan pelajar dari 11 daerah di bawah tema “Digital Dreams, Real Futures”, bertempat di KOMTAR JBCC, Johor Bahru. Para pelajar mempamerkan keyakinan, kreativiti dan kemahiran digital melalui persembahan bertenaga dalam Bahasa Inggeris, sekali gus meningkatkan penguasaan bahasa dan literasi digital.

Pertandingan ini telah menarik penyertaan 5,419 peserta dari seluruh negeri, menerima kehadiran 26,411 pengunjung, serta mencatat lebih satu juta tontonan di media sosial. Pada peringkat Kebangsaan, SK Yong Peng melakar sejarah dinobatkan sebagai Juara bagi kategori sekolah rendah.


Bilangan peserta (2023-2025):


Imbas QR untuk mengakses pandangan dan maklum balas para guru mengenai acara ini.



Objektif Program

- ▶ Membina keyakinan serta kemahiran komunikasi lisan dan ekspresi pelajar.
- ▶ Meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris secara menyeluruh.
- ▶ Menyediakan platform bagi pelajar Johor menonjolkan kreativiti serta keyakinan membuat pengucapan awam dalam Bahasa Inggeris.

Impak Program

- ▶ **5,419** pelajar daripada 11 daerah menyertai pertandingan *Choral Speaking* Yayasan JCorp, manakala 440 pelajar menyertai pertandingan Peringkat Negeri Johor.
- ▶ Menarik **26,411** pengunjung ke KOMTAR JBCC untuk menyaksikan Pertandingan *Choral Speaking*.
- ▶ Menerima lebih **1 juta** tontonan di media sosial Yayasan JCorp dari 28 Julai hingga 24 Ogos 2025, dengan peningkatan jumlah pengikut sebanyak 2,300.
- ▶ **SK Yong Peng** melakar sejarah apabila dinobatkan Juara Pertandingan *Choral Speaking* Kebangsaan (Kategori Sekolah Rendah), manakala SMK Yong Peng meraih tempat ke-5 untuk Kategori Sekolah Menengah di PICC Putrajaya.

BIDANG FOKUS:
PENDIDIKAN**MEMBINA MASA DEPAN SEJAK 2017:
BANTU PELAJAR B40 MELANJUTKAN
PELAJARAN KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

Sejak tahun 2017, Yayasan JCorp berusaha meringankan beban kewangan keluarga B40 serta pelajar yang melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi, agar mereka dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran. Melalui bantuan kewangan yang disediakan, Yayasan JCorp membantu individu yang layak di seluruh Malaysia mendapatkan akses pendidikan secara saksama, sekali gus merapatkan jurang peluang untuk masa hadapan. Usaha ini mampu membentuk pemimpin masa hadapan yang akan menyumbang kepada pembangunan negara secara berterusan.

Pelajar yang layak memohon bantuan ini adalah daripada golongan B40 dan hendaklah mengikuti pengajian sepenuh masa. Bantuan kewangan disediakan kepada pelajar di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana.





Objektif Program

- ▶ Meringankan beban kewangan menerusi bantuan kewangan untuk keluarga B40.
- ▶ Memastikan pelajar kurang berkemampuan mendapat peluang saksama melanjutkan pelajaran di Pusat Pengajian Tinggi.
- ▶ Melabur dalam pendidikan pelajar B40 bagi memupuk dan menyokong pembangunan pemimpin masa hadapan.

Impak Program

- ▶ Sejak 2017, lebih **1,800** pelajar menerima bantuan.
- ▶ Sehingga kini, lebih **RM1.15** juta telah diperuntukkan untuk membantu pelajar kurang berkemampuan.
- ▶ Seramai **205** pelajar telah menerima bantuan pada 2025 dengan jumlah keseluruhan sebanyak **RM180,000**.

BIDANG FOKUS:
PENDIDIKAN

Kerjasama


• Waqaf An-Nur

BIASISWA ACCA UNTUK PENGAJIAN PERAKAUNAN
PROFESIONAL

Sejak 2022, melalui Program Perakaunan Berkanun JCorp, Biasiswa Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) untuk Pendidikan Perakaunan Profesional telah ditawarkan. Ia bertujuan membangunkan modal insan dalam bidang perakaunan profesional menerusi bantuan kewangan kepada pelajar Malaysia yang cemerlang dan sedang mengikuti program kelayakan ACCA. Program ini memastikan individu daripada keluarga B40 mendapat peluang yang sama, sekali gus meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti.

Sebanyak RM200,000 telah diperuntukkan untuk biasiswa ini yang dibiayai menerusi sumbangan Wakalah daripada Waqaf An-Nur. Daripada 11 penerima biasiswa, tiga graduan berkaitan telah memulakan kerjaya sebagai akauntan profesional pada tahun 2025 yang membuktikan impak nyata program ini dalam melahirkan profesional kewangan berkemahiran dalam kalangan komuniti kurang berkemampuan.





Objektif Program

- ▶ Meningkatkan ekuiti dalam pendidikan dengan menyediakan peluang kepada pelajar yang layak daripada keluarga B40.
- ▶ Menyokong pembangunan modal insan dalam bidang perakaunan profesional.
- ▶ Meningkatkan akses kepada pendidikan dan kelayakan profesional berkualiti.

Impak Program

- ▶ **11** pelajar cemerlang dibantu menerusi pembiayaan Wakalah.
- ▶ **5** tahun sokongan kepada pelajar B40 dalam usaha mendapatkan kelayakan ACCA.
- ▶ Pada tahun 2025, **tiga** graduan telah berkhidmat sebagai akauntan profesional.

BIDANG FOKUS: PENDIDIKAN

Kerjasama

- Jabatan Pendidikan Negeri Johor
- AFFIN Group

PROGRAM LITERASI DIGITAL UNTUK PELAJAR LUAR BANDAR & B40



Yayasan JCorp, Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNN) dan AFFIN Group melancarkan Program DigiLIT di SK Sayong Pinang, Kulai, bagi merapatkan jurang digital dalam kalangan pelajar luar bandar dan B40. Tiga sekolah, iaitu SK Sikijang, SK Belokok dan SK Sayong Pinang (sekolah komuniti Orang Asli), masing-masing menerima 20 komputer riba dan papan pintar interaktif, bersama modul literasi digital untuk melengkapi pelajar dengan kemahiran teknologi abad ke-21.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Aznan bin Tamin, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor, yang turut menyatakan komitmen berterusan Kerajaan Negeri terhadap usaha memperkukuh akses pendidikan secara inklusif di seluruh Johor. Pada program tersebut turut diadakan aktiviti gotong-royong bersama guru, ibu bapa dan komuniti setempat yang mencerminkan semangat perpaduan dan kerjasama dalam menyokong pembangunan pendidikan holistik di sekolah luar bandar.



Tonton video ini untuk melihat bagaimana Program Literasi Digital mengubah cara pembelajaran, memperkasa pelajar dengan teknologi, serta memberi inspirasi kepada komuniti untuk membina generasi yang bersedia menghadapi masa hadapan.



Objektif Program

- ▶ Merapatkan jurang digital menerusi penyediaan akses kepada teknologi dan alat pembelajaran digital untuk pelajar di sekolah-sekolah luar bandar dan sekolah kurang murid.
- ▶ Meningkatkan kemahiran literasi digital dalam kalangan pelajar sekolah rendah sebagai persediaan menghadapi masa hadapan.
- ▶ Membangunkan potensi pelajar B40 melalui penyediaan akses kepada sumber yang memupuk kreativiti, membina keyakinan diri dan memperkukuh kemahiran teknologi.

Impak Program

- ▶ **60** komputer riba dan tiga papan pintar interaktif disumbangkan kepada tiga sekolah luar bandar bagi mewujudkan bilik darjah yang interaktif dan menarik dalam meningkatkan pembelajaran digital pelajar.
- ▶ **RM196,300** diperuntukkan untuk Program Literasi Digital Yayasan JCorp pada tahun 2025.
- ▶ Berpotensi memberi manfaat kepada seramai **283** pelajar secara keseluruhan.